

- TALKING POINTS TEKS UCAPAN -

YB DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE

MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

01 APRIL 2022 (JUMAAT)

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuh
Dan Salam Perpaduan

Terima kasih saudara & saudari pengacara majlis,

Yang Berhormat Senator Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal

Timbalan Menteri Perpaduan Negara

YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

YBrs. Dr. Kang Tong Hum

Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

YBrs. Tuan Zulkifli bin Hashim

Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
(Menanggung Tugas Ketua Pengarah)

YBrs. Tuan Raveendran Nair

Ketua Pengarah
Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA)

Penerima-Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Kementerian Perpaduan Negara (KPN) Tahun 2021

Warga KPN yang dikasihi sekalian

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun untuk meraikan **penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi tahun 2021.**

2. Majlis APC 2021 pada kali ini dianjurkan dalam keadaan Kerajaan masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Walaupun Kerajaan telah mengumumkan fasa peralihan ke

endemik bermula 1 April 2022 (hari ini), norma baharu seperti pemakaian pelitup muka dan penggunaan sistem mySejahtera tetap diwajibkan. Semua program yang dianjurkan oleh kerajaan perlu sentiasa mematuhi SOP yang disediakan bagi memastikan penularan Covid-19 dapat dikekang bersama.

3. Justeru itu, kita perlu sentiasa menyokong usaha Kerajaan untuk terus patuh kepada SOP dan mengamalkan kawalan kendiri yang ketat bagi memastikan kita semua terhindar dari wabak Covid-19.

PENGHARGAAN KEPADA PENERIMA APC

4. Penganjuran majlis APC pada hari ini amat bermakna bagi saya bukan sahaja kerana dapat menyampaikan sijil penghargaan APC kepada penerima, tetapi tahun ini merupakan kali ke-dua pegawai-pegawai KPN menerima APC bagi prestasi kerja tahun lepas setelah genap dua tahun penubuhan KPN. Saya telah dapat melihat hasil penat lelah selama dua tahun melalui kerjasama dan kerja secara berpasukan semua warga KPN dan agensi di bawahnya dengan terhasilnya Dasar Perpaduan Negara dan pelan yang telah dilancarkan.

5. Saya amat berterima kasih di atas komitmen dan dedikasi warga KPN dalam menjayakan matlamat dan aspirasi kementerian sejak penubuhannya pada tahun 2020. Penganugerahan APC ini bukan sahaja merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang terpilih malah perlu dilihat sebagai penyuntik semangat dan pencetus azam untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang khususnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

PENERIMA APC 2021

6. Pada tahun ini, seramai **383 orang telah dikenalpasti sebagai penerima APC bagi tahun 2021** yang merangkumi penerima daripada Kementerian Perpaduan Negara, MITRA dan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional.
7. Bagi majlis APC hari ini, kita akan meraikan **seramai 170 penerima APC** termasuk **penerima daripada JPNIN Zon Tengah dan Zon Selatan**. Manakala penerima daripada negeri-negeri lain akan diraikan dalam majlis APC mengikut zon.

8. Perincian Penerima APC Pada Hari Ini Seperti Berikut:

i.	KPN	:	15 orang
ii.	Ibu Pejabat JPNIN	:	18 orang
iii.	JPNIN Selangor	:	34 orang
iv.	JPNIN WP. Kuala Lumpur	:	25 orang
v.	JPNIN Negeri Sembilan	:	23 orang
vi.	JPNIN Negeri Melaka	:	13 orang
vii.	JPNIN Negeri Johor	:	37 orang
viii.	JPNIN WP. Putrajaya	:	3 orang
ix.	MITRA	:	2 orang
JUMLAH		:	170 orang

9. Seramai **213 penerima APC JPNIN** negeri lain akan turut diraikan di peringkat zon, iaitu:

Zon Utara (81 orang)

i.	JPNIN Perlis	:	6 orang
ii.	JPNIN Kedah	:	20 orang
iii.	JPNIN Pulau Pinang	:	23 orang
iv.	JPNIN Perak	:	32 orang

Zon Timur (64 orang)

i.	JPNIN Pahang	:	25 orang
ii.	JPNIN Terengganu	:	16 orang
iii.	JPNIN Kelantan	:	23 orang

Zon Sabah & Sarawak (68 orang)

i.	JPNIN Sarawak	: 34 orang
ii.	JPNIN Sabah	: 28 orang
iii.	JPNIN WP. Labuan	: 6 orang
	JUMLAH	: 213 orang

Pecahan penerima APC KPN bagi tahun 2021:

- Kumpulan Pegawai:
 - i. Pengurusan & Profesional : 20
 - ii. Pelaksana (Sokongan) : 363
- Jantina:
 - i. Lelaki : 73
 - ii. Perempuan : 310
- Umur:
 - i. 22 – 40 : 184
 - ii. 40 – 50 : 111
 - iii. 51 dan ke atas : 88

PEMILIHAN DAN PENGIFTIRAFAN APC

6. Sebagaimana kita sedia maklum, pemilihan penerima APC adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria pemilihan seperti berikut:

- Penghasilan kerja yang cemerlang;
- Mempunyai pengetahuan/ kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaan tugas;
- Memiliki kualiti peribadi/ etika kerja baik;
- Komitmen kerja yang tinggi;
- Berintegriti tinggi;
- Sumbang bakti yang bermanfaat kepada organisasi dan masyarakat.

7. Saya berharap agar pengiktirafan APC akan memberi kesan ke atas perkara berikut:

- Menjadi dorongan ke arah membudayakan kecemerlangan dalam semua aspek;
- Dapat melonjakkan motivasi kerja;
- Menjadi *role model* dan mentor terbaik;
- Titik permulaan kepada semangat kerja berpasukan dan budaya kerja cemerlang serta inovasi;

- Menjadi pembakar semangat agar kita sama-sama berusaha mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang berterusan; dan
- Dapat menyuntik semangat serta terus berkhidmat dengan lebih dinamik, dedikasi, berintegriti dan iltizam yang tinggi.

MENGHAYATI TEMA “CABARAN DIDEPANI, ASPIRASI DIGAPAI”

8. Ingin saya kaitkan majlis pada hari ini dengan tema Amanat Tahun Baru pada awal tahun 2022 iaitu “**Cabarani Didepani, Aspirasi Digapai**” yang amat bersesuaian dengan situasi negara semasa ini. Satu demi satu cabaran yang perlu kita hadapi bermula dari pandemik Covid-19, banjir akhir tahun dan juga pada awal tahun ini, bencana alam turut terjadi seperti tanah runtuh dan terkini kebakaran di perkampungan atas air di Sabah.
9. Tanpa kita sedar, dugaan ini mencetus misi kemanusiaan. Pelbagai pihak, tidak kira secara perseorangan atau melalui Badan Bukan Kerajaan (NGO) tanpa mengira bangsa dan agama dari seluruh pelosok negara telah tampil menghulurkan bantuan. Ini adalah

contoh terbaik perpaduan Keluarga Malaysia bak kata peribahasa Melayu - serumpun bak serai, sesusun bak sirih.

10. Saya menyeru setiap warga kerja KPN, JPNIN, MITRA dan Bahagian Kampung Baru Cina untuk menghayati tema ini dalam apa jua situasi yang sedang atau bakal kita hadapi.
11. Cabaran dan kekangan yang dihadapi tidak menghalang kita untuk merancang dan menyusun gerak kerja Kementerian sehingga kita telah berjaya melancarkan beberapa dokumen dasar dan pelan yang penting untuk mencapai aspirasi perpaduan, iaitu:
 - A. Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara (*Blue Print*) 2021-2030; dan
 - B. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 (PTPN Merupakan Pelan Induk);
 - (i) KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025;

- (ii) Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Rukun Tetangga 2021-2030 dan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL); Dan
 - (iii) Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 beserta Buku-Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan.
12. Selain itu, Kementerian juga sedang dalam peringkat akhir penyediaan beberapa pelan di bawah Pelan Induk PTPN yang bakal dilancarkan iaitu:
- (i) Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI);
 - (ii) Pelan Tindakan Rakan Perpaduan (Friends of Unity); dan
 - (iii) Modul Kelab Rukun Negara (KRN) Dan Sekretariat Rukun Negara (SRN).
13. Justeru, tahun 2022 merupakan tahun pelaksanaan atau **year of show** bagi KPN supaya kita bersama-sama bekerja sebagai satu pasukan untuk menjayakan apa yang telah dirancang dan disusun.

14. Bagi merealisasikan semua perkara yang telah dirancang oleh Kementerian, saya amat memerlukan sokongan padu dan komitmen tinggi di setiap peringkat Jentera Perpaduan.

EKSPEKTASI DAN KUALITI WARGA KEMENTERIAN

15. Kecemerlangan organisasi terletak pada kehebatan warganya. Sumber manusia merupakan aset utama yang menyumbang kepada kejayaan sesebuah organisasi.
16. Runtuhnya nilai dalam organisasi akan menyebabkan kepincangan seperti penyelewengan, salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi, rasuah dan sebagainya.
17. Penekanan kepada ***character building*** iaitu melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai-nilai murni serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk aspek integriti yang tinggi merupakan asas kepada pembentukan sumber manusia yang amat diperlukan oleh organisasi.

18. Bagi mencapai ekspektasi ini, saya menyeru seluruh warga KPN dan agensi di bawahnya menghayati kualiti peribadi seperti berikut:

- Mempunyai semangat kekitaan walaupun berbeza latar belakang dan pengalaman;
- Menghormati adat dan budaya pelbagai kaum (silang budaya);
- Berkemahiran untuk berfikir secara kritikal dan analitikal serta berkomunikasi secara berkesan (bertutur, tulisan dan perbuatan);
- Bersedia untuk mengadaptasi dan menyesuaikan diri dalam komuniti pelbagai kaum
- Berkebolehan untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti
- Bertindak sebagai pendampingan sosial untuk menjayakan usaha perpaduan
- Cekal, tabah, bersedia, responsif dan berakauntabiliti
- Berintegriti dan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni - rajin, amanah, ikhlas, disiplin dan bertanggungjawab.

19. Selain itu juga, bagi melahirkan warga KPN yang berprestasi tinggi suka saya menyeru agar warga KPN dan agensi di bawahnya menyertai aktiviti kesukarelawanian untuk memupuk jati diri dan

membentuk budaya berpersatuan serta menghadiri program-program pembangunan sahsiah termasuk kesedaran integriti.

PENUTUP

20. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima APC bagi tahun 2021 yang akan menerima sijil Perkhidmatan Cemerlang dan wang tunai sebanyak seribu ringgit.
21. Saya berharap agar semua yang diraikan hari ini dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini dan terus mendokong usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.
22. Akhirnya, bersempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia pada 3 April 2022, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan “selamat berpuasa dan menyambut bulan Ramadan” kepada semua warga kerja yang beragama Islam.

23. Semoga kita semua akan terus diberi kekuatan dan kesihatan yang baik untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang.

Marilah kita sama-sama menjadikan perpaduan sebagai satu kebiasaan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh